

GARIS PANDUAN MENJALANI LATIHAN INDUSTRI SUSULAN PERLANJUTAN TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

1. Pelajar disarankan menjalani latihan industri **sekurang-kurangnya memenuhi tempoh minima 70 peratus hingga 80 peratus atau 17 minggu hingga 20 minggu** sahaja daripada yang sepatutnya (merujuk **Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pengerakan COVID-19 bertarikh 29 Mac 2020 oleh MQA**).
2. Pelajar dibenarkan meneruskan latihan industri sehingga tamat tempoh latihan industri seperti yang ditetapkan **ATAU/DAN** dibenarkan menjalani latihan industri dengan memenuhi syarat tempoh minima latihan industri seperti yang dinyatakan dalam **perkara no.1**. Adalah disyorkan pelajar berbincang dan mendapat persetujuan daripada pihak industri dan fakulti berhubung perkara ini.
3. Pelajar boleh menjalankan tugas berkaitan latihan industri di kediaman masing-masing sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan dengan syarat telah mendapat persetujuan daripada pihak industri dan fakulti. Tempoh penugasan tersebut boleh diambil kira sebagai latihan industri. Pelajar juga turut dibenarkan menjalani latihan industri dengan memenuhi syarat tempoh minima latihan industri seperti yang dinyatakan dalam **perkara no.1**. Adalah disyorkan pelajar berbincang dan mendapat persetujuan daripada pihak industri dan fakulti berhubung perkara ini.

4. Pelajar dibenarkan menangguhkan latihan industri berdasarkan keputusan industri dan menggantikan semula latihan industri setelah perintah kawalan pergerakan tamat atau ditarik balik. Jumlah tempoh penggantian adalah bersamaan dengan jumlah hari berkuatkuasa tempoh bermula perintah kawalan pergerakan **ATAU** boleh mengikut tempoh minima seperti yang dinyatakan dalam **perkara no.1**. Adalah disyorkan pelajar berbincang dan mendapat persetujuan daripada pihak industri dan fakulti berhubung perkara ini.

Garis panduan kedua bertarikh 28 mac 2020 adalah dimansuhkan dan digantikan dengan garis panduan ini. Garis panduan ini diluluskan oleh Mesyuarat Senat Ke-160 Bil. 3/2020 (Khas) bertarikh 1 April 2020.

Pusat Pembangunan & Penempatan Kerjaya (CPDC)
Universiti Malaysia Pahang
1 April 2020